



UDA HOLDINGS BERHAD

**UDA DAYAURUS SDN BHD MEMETERAI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU)
DENGAN PCO LITE ELECTRICAL SDN BHD**

Kuala Lumpur, 25 Julai 2018 – UDA Holdings Berhad (UDA) menerusi anak syarikat UDA Dayaurus Sdn Bhd (UDSB) telah memeterai memorandum persefahaman dengan PCO LITE Electrical Sdn Bhd (PCO), dalam satu majlis yang berlangsung di Blok Menara Kompleks Pertama, Jalan Tuanku Abdul Rahman, baru-baru ini.

Melalui perjanjian yang telah dipersetujui kedua pihak itu, UDA dan PCO bakal berkongsi kepakaran berhubung pengurusan fasiliti bangunan yang memfokuskan pada pengubahsuaian sistem pencahayaan (lighting retrofitting).

Hasil pemeteraian MoU itu turut membuka peluang bagi pihak UDA meneroka cabang perniagaan baru yang berpotensi tinggi seperti lighting retrofitting dengan menawarkan kepakaran, perundingan serta tenaga kerja mahir dalam bidang tersebut. Usaha mempelbagaikan produk dan perkhidmatan seumpama ini adalah sebahagian daripada pelan perniagaan strategik UDA.

Majlis menandatangani MoU itu disempurnakan Ketua Pegawai Operasi UDSB, Encik Shamsul Bahri Shamsudin, manakala pihak PCO diwakili Pengarah Urusannya, Encik Lee Huei Chang.

Untuk makluman, PCO adalah salah satu pengilang produk lampu terkemuka di Malaysia dengan 40 tahun pengalaman. Mula beroperasi sejak 1978, PCO yang pakar

menghasilkan produk lampu serta aksesori elektrik (electrical fitting) buatan khas untuk kegunaan dalam dan luar itu juga sudah menembusi pasaran luar negara. Manakala UDSB juga merupakan anak syarikat UDA yang telah memenangi banyak anugerah seperti _____

Menurut YBhg Datuk Ahmad Abu Bakar, Pengarah Urusan Kumpulan UDA, "Menerusi memorandum ini juga, UDSB dan PCO mendapat kelulusan dari KLCC Urus Harta Sdn Bhd bagi menjalankan projek pengubahsuaian sistem pencahayaan (lighting retrofitting) bagi Fasa 1 kerja menaiktaraf Menara Berkembar Petronas 1 dan 2.

"Pemeteraian perjanjian ini juga dilihat sebagai langkah proaktif mendukung kepentingan penggunaan lighting retrofitting yang mengubahsuaui pencahayaan konvensional kepada produk pencahayaan berteknologi hijau dan cekap tenaga. Kesedaran terhadap penggunaan sistem mesra alam ini semakin meningkat terutamanya dalam kalangan pemilik bangunan dan pemaju".

Katanya lagi, "Amalan pengubahsuaian sistem pencahayaan ini menyumbang pada penjimatan sebanyak 12% bagi setiap lekapan (fixture) atau RM 235,000 setiap tahun. Pemilik bangunan berminat menyelitkan projek ini dalam pengubahsuaian tahunan mereka selain turut menjadikannya keperluan untuk cadangan projek baru".

TAMAT

MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD

UDA Holdings Berhad (UDA) merupakan salah satu organisasi pembangunan hartanah dan pengurusan aset yang mampan dan terkemuka di negara ini. Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan harta dan fasiliti, kompleks beli-belah serta industri hospitaliti. UDA telah bertapak kukuh dalam membentuk dan memodenkan

Kuala Lumpur, Lembah Klang dan bandar-bandar utama lain di Malaysia sejak tahun 1971.

Untuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari laman sesawang kami di www.uda.com.my.

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

- Latifah Osman | lat@udanet.com | +6012 291 5427
- Nor Hanisah Kamaruzaman | n.hanisah@udanet.com | +6013 597 4264

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan

UDA Holdings Berhad

Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,

Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.

Tel : +603 2730 8500 | Fax : +603 2731 2855